

ANALISIS PENYENARAIAN HAIWAN MENERUSI KITAB KASYF AL-LITHAM 'AN AS-ILAH AL-ANAM KARYA SYEIKH ZAINUL ABIDIN BIN MUHAMMAD AL-FATANI MENURUT PERSPEKTIF HALAL DAN HARAM

An Analytical Study on the Classification of Animals in the Book Kashf al-Litham 'an As'ilah al-Anam by Sheikh Zainul Abidin bin Muhammad al-Fatani from the Halal and Haram Perspective

Mohd Mahyeddin Mohd Salleh^{1a*}, A'wani Aziz Nurdalila^{2b}, Setiyawan Gunardi^{3c},
Hajah Mas Nooraini Haji Mohiddin^{4d} dan Chairill Anuar Abdul Ghani^{5e}

^aFakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA.

E-mail: mahyeddin@usim.edu.my¹

^bInstitut Fatwa dan Halal, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA.

E-mail: nurdalila.awani@usim.edu.my²

^cFakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA.

E-mail: setiyawan@usim.edu.my³

^dFakulti Syariah, Universiti Sultan Sharif Ali, Spg 347, Jalan Pasar Gadong, BE 1310 Negara BRUNEI DARUSSALAM

E-mail: masnooraini.mohiddin@unissa.edu.bn⁴

^eSanda Shokuniku Kosha Co., Ltd, No.11, Eibara, Nagao-Co, Kobe Kita, Hyogo (651-1511), JAPAN
Email: srchairillanuar@yahoo.com⁵

*Corresponding Author: mahyeddin@usim.edu.my

Received: 20 February 2025

Accepted: 24 April 2025

Published: 30 May 2025

DOI: <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol.30no2.671>

Abstrak	Abstract
<p>Karya Melayu klasik atau kitab jawi yang dikarang oleh ulama terdahulu memainkan peranan yang sangat penting sebagai sumber rujukan terhadap setiap permasalahan hukum yang berlaku dalam kalangan umat Islam. Permasalahan tersebut termasuk segala hal yang berkaitan ibadat, mu'amalat, jinayat, munakahat serta aspek pemakanan halal dan haram. Kitab Kasyf al-Litham 'An As-Ilah al-Anam karya Syeikh Zainul Abidin bin Muhammad Al-Fatani merupakan salah sebuah kitab yang membincangkan tentang</p>	<p>Classical Malay works or Jawi manuscripts authored by early scholars play a crucial role as reference sources for addressing various legal issues faced by the Muslim community. These issues encompass matters related to worship (ibadat), transactions (mu'amalat), criminal law (jinayat), family law (munakahat), as well as aspects of halal and haram dietary practices. The book Kasyf al-Litham 'An As-Ilah al-Anam by Sheikh Zainul Abidin bin Muhammad Al-Fatani is one of the works</p>

<p><i>bab makanan yang halal dan haram melibatkan pelbagai kategori haiwan. Bagaimanapun, masih terdapat sejumlah spesis haiwan yang kurang jelas maksudnya bagi masyarakat moden disebabkan oleh penggunaan istilah klasik. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk menganalisis haiwan halal dan haram dimakan yang terdapat dalam kitab Kasyf al-Litham serta mengklasifikasikannya mengikut kategori haiwan beserta justifikasi. Kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan kaedah dokumentasi dan dianalisis secara analisis tekstual terhadap spesies haiwan yang telah dinyatakan dalam karya tersebut. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat sembilan kategori utama haiwan yang telah disenaraikan di dalam kitab Kasyf al-Litham, melibatkan 157 spesis. Terdapat juga istilah haiwan yang kurang jelas disebabkan oleh faktor seperti penggunaan istilah klasik jawi dan Arab. Kajian ini diharapkan dapat memberikan manfaat kepada seluruh masyarakat dan agensi tertentu terutama sebagai rujukan dalam bab haiwan halal dan haram di dalam Islam.</i></p>	<p><i>that discusses the topic of halal and haram foods, particularly focusing on various categories of animals. However, some species of animals remain ambiguous to the modern community due to the use of classical terminology. Therefore, the objective of this study is to analyze the halal and haram animals mentioned in Kasyf al-Litham and classify them according to animal categories along with their justifications. This qualitative research employs documentation methods and textual analysis of the animal species referenced in the work. The findings reveal that there are nine main categories of animals listed in Kasyf al-Litham, comprising a total of 157 species. The study also identifies several animal terms that are unclear due to factors such as the use of classical Jawi and Arabic terminology. It is hoped that this research will benefit the wider community and specific agencies, particularly as a reference on the subject of halal and haram animals in Islam.</i></p>
<p>Keywords: Kitab Kasyf al-Litham, Zainul Abidin Bin Muhammad al-Fatani, haiwan, halal, haram</p>	<p>Keywords: Kitab Kasyf al-Litham, Zainul Abidin Bin Muhammad al-Fatani, animals, halal, haram</p>

1. PENGENALAN

Antara faktor utama yang menyumbang kepada kegiatan penulisan buku di alam Melayu adalah disebabkan oleh kedatangan Islam (Mohd Salleh et al, 2024a). Menurut catatan sejarah, perkembangan ilmu Islam dan penulisan karya fiqh jawi di alam Melayu telah berlaku pada sebelum atau abad ke-16. Menurut aspek penulisan fiqh, terdapat pelbagai karya sama ada dalam bahasa Melayu atau Arab yang meliputi pelbagai metode penulisan sama ada penulisan hukum, terjemahan kitab bahasa Arab, soal jawab agama, ringkasan atau ulasan kepada sesuatu karya lain (Abdul Malik, Abdul Hamid & Abd Rahim, 2020). Kitab *Kasyf al-Litham 'An As-Ilah al-Anam* karya Syeikh Zainul Abidin bin Muhammad Al-Fatani atau turut dikenali juga sebagai Syeikh Tuan Minal juga merupakan antara karya yang amat terkenal pada abad ke-19. Sepertimana karya sebelumnya, kitab ini juga membincarakan empat teras

utama disiplin fiqah iaitu ibadat, muamalat, munakahat dan jinayat.

Selain itu, aspek halal dan haram yang melibatkan pengambilan makanan atau minuman amat dititikberatkan oleh Islam. Perkara ini turut melibatkan sumber-sumber pemakanan daripada haiwan. Sehubungan itu, Syeikh Zainul Abidin bin Muhammad Al-Fatani dalam karyanya *Kasyf al-Litham* turut membincangkan tentang kategori-kategori haiwan yang halal dan haram untuk dimakan menurut Mazhab Syafi'i. Kitab Melayu klasik seperti kitab *Kasyf al-Litham* ini banyak memberikan panduan kepada para pengkaji mahupun masyarakat Islam dalam mengenal pasti kategori-kategori haiwan yang halal dan haram dimakan. Perbahasan mengenai isu haiwan yang halal dan haram dimakan terdapat dalam empat halaman di dalam kitab ini, iaitu pada halaman 140 hingga 143.

Namun demikian, sumbangan literatur mengenai penulisan berbentuk artikel jurnal dan lain-lain penerbitan mengenai analisis karya-karya Melayu klasik yang dikenang oleh para ilmuwan Islam terdahulu kurang membincangkan tentang aspek kategori haiwan halal dan haram (Mohd Salleh et.al, 2024b). Hal ini kerana penulisan mengenai kitab-kitab Melayu klasik lebih banyak tertumpu kepada latar belakang penulis, sumbangannya, sifat atau keperibadiannya dan hasil penulisannya. Ini dapat dilihat menerusi beberapa penulisan oleh para pengkaji seperti yang dihasilkan oleh Abdullah (2001), Kasor (2013), dan Ouma & Kareena (2014).

Justeru, kajian ini bertujuan untuk menyumbang kepada penambahan bahan literatur mengenai kategori haiwan halal dan haram menerusi kitab *Kasyf al-litham*. Terma-terma haiwan yang terdapat dalam kitab tersebut akan dikeluarkan seterusnya dikategorikan mengikut klasifikasi haiwan beserta justifikasi penghalalan dan pengharamannya.

2. KAJIAN LITERATUR

2.1 *Biodata Syeikh Zainul Abidin Bin Muhammad Al-Fatani*

Kitab *Kasyf al-Litham 'An As-Ilah al-Anam* merupakan sebuah karya penulisan Syeikh Zainul Abidin bin Muhammad Al-Fatani atau dikenali juga sebagai Syeikh Tuan Minal. Nama penuh beliau adalah Syeikh Zainal Abidin bin Muhammad bin Muhamad Dahhan bin Syeikh Wan Syamsuddin bin Syeikh Jaafar. Menurut Latif & Rahman (2008), Syeikh Tuan Minal telah dilahirkan di sebuah kampung bernama Bendang Badang, iaitu sebuah kampung yang terletak di lembangan Sungai Patani, berdekatan dengan Pekan Binjai Lama yang terletak di tengah-tengah perjalanan antara Bandar Pattani dengan Bandar Yala, Thailand.

Ada juga pendapat yang mengatakan bahawa beliau berasal dari Kampung Anak Ru Bandar Pattani (Wan Mohd Saghir Abdullah, 2007) dan Kampung Kerisik atau Angkro dalam Jajahan Pattani (Al-Haji Yusuf, 1991). Bukti yang jelas tentang kelahiran Syeikh Tuan Minal belum dapat dipastikan namun, ada pendapat yang mengatakan bahawa Syeikh Tuan Minal dilahirkan pada awal kurun ke 19 Masihi. Beliau juga berasal daripada keluarga Syeikh Ja'far dengan Wan Jamilah al-Syandaniah, begitu juga dengan keturunan Syeikh Dawud bin Abdullah al-Fataniy (Ouma & Kareena, 2017). Perkara ini dapat dilihat menerusi kajian yang telah dilakukan oleh Ouma & Kareena (2014) yang menyatakan bahawa Syeikh Tuan Minal dan Syeikh Dawud bin Abdullah al-Fataniy merupakan generasi ke-4 keturunan Syeikh Ja'far.

Seterusnya, Syeikh Tuan Minal mendapatkan pendidikan awal daripada ayahnya sendiri di Patani, iaitu di Pondok Bendang Daya, dan di Mekah. Antara guru-guru beliau ialah: Syeikh Wan Mustafa bin Muhammad al-Fataniy (Tok Bendang Daya yang pertama), Syeikh Abdul Rasyid al-Fataniy (Tok Keramat Pulai Bidang). Syeikh Muhammad Taiyib bin Mas'ud al-Banjariy Kedah, Syeikh Wan Ali bin Ishak al-Fataniy dan lain-lain. Beliau juga mempunyai murid-murid yang ramai dan di antara mereka ialah Syeikh Wan Muhammad bin Wan Idris al-Fataniy (Tok Syeikh Jarum), Syeikh Muhammad Sa'id bin Syeikh Jamaludin Linggai Negeri Sembilan, Haji Abdullah bin Sulaiman (Datok Segedung ilmu) Bajak Kelantan, Haji Isma'il bin Mustafa (Datok Cikdol) Kedah dan lain-lainnya.

Ketika menyambung pengajiannya di Mekah, Syeikh Tuan Minal sempat menimba ilmu dengan beberapa tokoh ulama Arab dan Patani yang terkenal pada waktu itu, antaranya ialah seperti Syeikh Muhammad bin Sulaiman Hasb Allah al Makki, Syeikh Wan Ali bin Ishak al-Fatani, Syeikh Abdullah bin Abd al Rahim al-Fatani dan lain-lain lagi. Di samping itu, beliau turut berguru dengan Syeikh Daud al-Fatani. Beliau tidak bermastautin lama di Mekah kerana setelah selesai menuntut ilmu, Syeikh Tuan Minal telah pulang semula ke tanah air. Menurut Ahmad Ismail Dorla et al (2011), setelah beliau pulang dari Makkah Al Mukarramah, beliau memainkan dua peranan penting dalam dakwah Islamiah iaitu mengasaskan sebuah pondok di Patani, iaitu kampung halamannya dan di Sungai Dua Seberang Perai, Pulau Pinang, Malaysia. Beliau juga telah mengarang beberapa buah kitab keagamaan dalam menyebarkan ilmu Islam sama ada ilmu tauhid, fiqh dan tasawwuf. Antara karangan beliau ialah *Kasyf al-Litham 'An Asilat al-Anam*, *Kasyful al-Ghaibiah*, *al-Najin Annajin*, *Miftah al Murid Fi Ilmi al-Tauhed*, *Irsyad al-Ibad ila Sabil al rasyad*, Faidah pada menyatakan fidyah sembahyang dan puasa atas mazhab Abi Hanifah, *Tabassum al-Syaribin Manfaat* bagi Alwam al Muslimin (Ahmad Ismail Dorla et al., 2011). Pada suatu tarikh yang belum dapat dipastikan, Syeikh Tuan Minal telah meninggal dunia di Permatang Sungai Dua, Seberang Perai, Pulau

Pinang. Menurut Ahmad Fathy al Fatani, Syeikh Tuan Minal dikatakan kembali ke rahmatullah dalam lingkungan tahun 1913M (Latif & Rahman, 2008).

2.2 *Kaedah Penyusunan Kitab Kasyf Al-Litham 'An As-Ilah Al-Anam*

Kitab *Kasyf al-Litham 'An Asilat al-Anam* membawa maksud membukakan tutupan muka daripada segala pertanyaan manusia dan kitab ini dikenali juga dengan singkatan *Kasyf al-Litham*. Terdapat kitab dalam bahasa Arab dengan judul yang sama yang dikarang oleh Husain bin Muhammad al-Mahalli iaitu *Kasyf al Litham 'An Asilat al-Anam* dan dikenali juga dengan *Kitab Al-furuk*. Bahkan, kitab tersebut adalah salah satu rujukan penting kitab *Kasyf al-Litham* karangan Syeikh Tuan Minal (Ahmad Ismail Dorla et al., 2011). Kitab *Kasyf al-Litham* juga merupakan sebuah kitab fiqh dalam bahasa Melayu yang penting dan menjadi rujukan ulama di Nusantara.

Selain itu, kitab ini adalah sebuah karya kitab fiqh terbesar yang membincangkan masalah fiqh Mazhab Syafi'i. Menurut Ouma & Kareena (2017), kerangka kitab ini adalah terdiri daripada muqaddimah, bab, fasil, furu' dan masalah serta terbahagi kepada perbincangan isu-isu berkaitan fiqh ibadat, muamalat (jual beli), munakahat (perkahwinan) dan jinayah (hukum bunuhan). Keseluruhan perbincangan di dalam kitab ini adalah seperti berikut:

2.2.1 *Juzuk pertama (Bab Ibadat dan Muamalat)*

Syeikh Tuan Minal menjelaskan mengenai ibadat dan mu'amalat yang mengandungi perbincangan tentang *taharah* (bersuci), hukum sembahyang, hukum orang mati, hukum zakat, hukum puasa, hukum iktikaf, hukum haji dan umrah, *udhhiah*, makanan yang halal dan yang haram, hukum berburu dan sembelih, jual beli, jual salam, hukum gadai menggadai, hukum muflis (bankrap), hukum bersekutu, berwakil, iqrar (pengakuan), hukum '*ariyah* (pinjam meminjam), merampas, *syufa'ah* (memberi pertolongan), upah jirus kebun, hukum wakaf, hukum hibah (beri), hukum *luqatah* (pungutan), *ji'alah* (mengembali) dan kiriman.

2.2.2 *Juzuk Kedua (Bab Munakahat dan Jinayah)*

Pada juzuk kedua, beliau menerangkan tentang munakahat dan jinayah. Bahagian ini membingcangkan tentang pembahagian pusaka, wasiat, pembahagian harta *fai'* dan *ghanimah* (harta yang dapat dalam peperangan), pembahagian zakat kepada orang yang berhak, hukum nikah, isi kahwin, *qasam* (bersumpah) dan *nusyuz* (derhaka), talak, hukum rujuk, hukum *ila'*, *zihar*, *kifarat*, *li'aan*, segala 'iddah, hukum menyusu, dan nafkah. Bahagian ini

juga menyatakan jinayah, qisas (bunuh balas), *diat*, *bughah* (zalim), murtad, zina, hukum *qazaf* (tuduhan), hukum mencuri, minum arak dan takzir (denda), hukum perang sabil, hukum *jizyah* (cukai), hukum *hadnah* (perjanjian), hukum berlumba, hukum bersumpah, menyatakan kifarat, nazar, kitab pada menyatakan qadhi, membahagi harta yang bersekutu, dakwa dan baiyinah (bukti keterangan) dan diakhiri dengan menyatakan *i'itaq* (merdeka).

Setelah Syeikh Tuan Minal selesai ucapan dalam muqadimah bahagian kandungan, beliau mulakan dengan kitab taharah seperti kitab *Furu' al-Masail* bagi Syeikh Daud bin Abdullah al-Fataniy. Namun, Syeikh Daud memulakan kitab beliau dengan ilmu Usuluddin. Kitab *Kasyf al-Litham* ini selesai dikarang pada bulan Rejab 1307 Hijrah bersamaan dengan 1890 Masihi. Pada pertengahan Syawal, 1308H (1891M), cetakan pertama yang terdiri daipada empat jilid telah diterbitkan oleh Matbaah al-Miriah. Cetakan yang kedua pula terdiri daripada 2 jilid. Ianya merupakan asal daripada 4 jilid, namun telah dijadikan 2 jilid sahaja tanpa mengubah isi kandungannya dan telah diterbitkan oleh Matbaah Attaqadum al-Ilmiah, Mesir. Jilid pertama diterbitkan pada tahun 1344 H (1925 M) dan jilid kedua pada tahun 1345 H (1926 M) (Abu Syahmin, 2012). Pelbagai cetakan telah diterbitkan dan bentuk 2 jilid juga bersama pada bahagian tepinya kitab *Wisya al-Afrad*, karangan Syeikh Muhammad bi Ismail Addawudi Al-Fatani (Nik Mat Kecik).

3. METODOLOGI

Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah pengumpulan data secara analisis tekstual. Pendekatan kualitatif ini tidak bertujuan untuk membuktikan hipotesis dan teori tetapi melibatkan proses induktif yang menyebabkan reka bentuk kajian berkembang semasa penyelidikan dijalankan. Malah pendekatan kualitatif ini juga tidak bertujuan untuk membuat generalisasi tetapi untuk mendapatkan makna dan pemahaman yang mendalam tentang fenomena dikaji. Pendekatan kualitatif adalah lebih holistik di peringkat awal kajian (kutipan data) dan di penghujung kajian (analisis data) (Merriam, 2009).

Pengkaji menggunakan metode analisis tekstual kerana merupakan pendekatan yang penting bagi pengkaji untuk metode penulisan ulama alam Melayu. Metode analisis tekstual bererti satu cara untuk pengambilan data-data yang ada hubungan dengan masalah yang dikaji. Pengkaji mengumpul data daripada sumber primer dan sekunder yang melibatkan rujukan terhadap Quran dan hadith, karya-karya ulama alam Melayu, dan artikel lepas mahupun terkini. Bagi artikel ini, kajian ditumpukan kepada kitab *Kasyf al-Litham 'An As-Ilah al-Anam*. Proses tersebut dijalankam dengan menggunakan

istilah asal yang terdapat dalam kitab *Kasyf al-Litham* seterusnya dibentangkan dalam bentuk jadual bertujuan membezakan hukum hakam setiap haiwan mengikut kategorinya.

4. HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan analisis yang telah dilakukan terhadap isi kandungan kitab *Kasyf al Litham* pada bab makanan yang halal dan haram dimakan, terdapat 9 kategori haiwan dan hukum-hukumnya seperti yang telah diklasifikasikan dalam Jadual 1 di bawah. Status haiwan tersebut telah diwarnakan dengan kotak berwarna hijau (halal) dan merah (haram). Namun, terdapat juga haiwan yang diklasifikasikan sebagai khilaf dalam hukum memakannya. Sebab pengharaman dan penghalalan haiwan tersebut juga turut dinyatakan berdasarkan penerangan yang diberikan oleh pengarang kitab mengikut jenis haiwan-haiwan tertentu.

Jadual 1. Penyenaraian Haiwan Halal Haram Dimakan Mengikut Kategori dan Justifikasi.

NO.	Istilah Asal Kitab (Jawi/Arab)	Istilah Moden (Rumi)	Status Halal/ Haram	Sebab Halal/ Haram	Halaman
1) KATEGORI ULAT YANG JADI DARIPADA MAKANAN DAN MINUMAN					
1.	أولة يغ جادى درفڈ مکانن سفرت بواه کایو اتو کاچع فول اتو تمر	Ulat yang jadi daripada makanan seperti buah kayu atau kacang pul atau tamar	Halal dimakan	* Harus dimakan beserta makanan dan minuman itu: 1- Sama ada ulat tersebut hidup atau mati di dalamnya. 2- Sama ada sedikit atau banyak.	
	أولة داكيج دان ايكن	Ulat daging dan ikan			
	أولة يغ جادى درفڈ مینومن سفرت أولة چوكا	Ulat yang jadi daripada minuman seperti ulat cuka		3- Sama ada sukar atau mudah untuk membezakannya. 4- Maka harus dimasakkan daging atau kacang pul yang berulat itu, sama ada ulat itu hidup atau mati, tidak	140

2.	بالغ ایکن	Belalang Ikan	Haram dimakan	menajiskannya akan makanan. Maka harus dimakan makanan dan kuahnya	
3.			Halal	1- Jika ulat itu dimakan dengan makanan yang lain atau ia asingkan ulat daripada makanan. Namun, haram bagi orang yang dalam ihram memburu belalang dan memakannya.	140
				Tetapi halal berburu ikan. Terdapat perbahasan lain mengikut keadaan juga di dalam isu furu' ini.	
2) KATEGORI BINATANG LAUT					
4.	تمباکول ایکن ججولٹ	Tembakul Ikan Jejulung		Maksud binatang laut yang halal dimakan:	
5.	بنات الماء	Banat al-Ma'			
6.	يو	Yu			
7.	فاری للماء	Pari Lelumba			
8.	أوڈغ	Udang			
9.	كتم رينجوٹ	Ketam Rinjung			
10.	كتم رکی	Ketam Raga	Halal	1. Yang hanya hidup di dalam laut. Jika naik ke darat dan tidak kekali hidupnya seperti ikan dan segala jenisnya.	140
11.	تیرم	Tiram		2- Jika tidak beracun	
12.	تریتیب	Teritib		3- Jika timbul di	
13.	کفہ	Kepah			
14.	لوكم	Lokam			
15.	کئما	Kima			

17.	ایبومقی	Ibu Mata		atas air sekalipun (spt ikan jejulung) 3- Jika rupa seperti manusia sekalipun (spt banatul ma') 4- Jika menyerupai dengan rupa binatang darat yang haram dimakan sekalipun seperti menyerupai anjing dan babi.
18.	بونتل	Buntal	Haram	Membawa racun dan jika dibuang racun sekalipun.
19.	طرطان	Tartan (adalah kelakuannya apabila keluar daripada laut jadi batu)	Halal	Hukumnya suci dan boleh diambil manfaat dengan dia dibuat rempah-rempah ma'jun dan lainnya daripada ubat-ubatan. Menurut Sheikh Syibrarnilsi, di negeri Mesir dinamakan 'وعد'

3) KATEGORI BINATANG AIR

20.	ڪاٽا	Katak-katak		1- Tiap-tiap binatang yang hidup di dalam dua negeri.	140
21.	اولر اير	Ular Air		2- Yang mempunyai racun.	
22.	کتم باتو	Ketam Batu			
23.	کتم اغن	Ketam Angin			
24.	کتم بندڻ	Ketam Bendang	Haram		
25.	بلغڪس	Belangkas			
26.	فپو	Penyu			
27.	لابي ۲	Labi-labi			
28.	ایبو فيوڠ				
29.	کاره	Karah (Sejenis penyu)			
30.	ڪڪورا	Kekura			
31.	ٻڻغ	Berang-			

32.	بواي	berang		
33.	سيفوة يغ تياد مايوق دان كچي	Siput yang tiada mabuk dan keca	Halal	1- Tiada hidup ia melainkan di dalam air jua. 141
34.	دنيلس	Danilas	Khilaf	1- Pendapat Ibnu Hajar (Haram). 2- Pendapat Ramli (Halal).
35.	كوندڠ	Gundang	Halal	1- Pada zahir qiyas ulamak ahli Mesir mengatakan halal atas zahir pendapat mereka itu, kerana ada pada negeri mereka itu binatang yang menyerupai gondang itu tetapi kecil kadar besar kaca padi. 3- Hidup ia di dalam tanah pada masa yang lama hingga musim air baharu ia keluar, tiada kebilangan hidupnya seolah- olah seperti harakat mazbuh jua

4) KATEGORI BINATANG YANG HIDUP DI LAUT DAN DI DARAT

36.	نسناس	Nasnas	Haram (haiwan dua alam)	Binatang seperti rupa manusia berjalan ia dengan sebelah kaki apabila berjumpa dengan manusia melawan ia. Jika alah manusia	141
-----	-------	--------	-------------------------------	--	-----

37.	أولر اير	Ular Air	Halal (Tersebut pada fatwa Ramli)	dimakannya akan dia yang didapat binatang itu disebelah laut Negeri China. Iaitu yang tiada hidup melainkan di dalam air dan tiada racunnya.	141

5) KATEGORI BINATANG DARAT (HALAL)

38.	أونتا	Unta	Halal		
39.	لمبو	Lembu			
40.	كريبو	Kerbau			
41.	كمبيغ	Kambing			
42.	كبيش	Kibasy			
43.	بيري ۲	Biri-biri			
44.	كودا	Kuda			
45.	روسا	Rusa			
46.	سلادڠ	Seladang			141
47.	حمار أوتن	Himar Utan			
48.	كيجع	Kijang			
49.	ضبع	Dubuk			
50.	فلندوق	Pelanduk			
51.	نافوه	Napuh			
52.	أرنب	Arnab			
53.	يربوع	Yarbuk			
54.	فنك	Fanak (binatang yang diambil kulitnya buat lapis baju)			
55.	سمور	Samur (binatang besar seperti kucing; bukan musang)			
56.	لنق	Lanak			142
57.	ضب	Dhab			
58.	كمبيغ أوتن	Kambing Utan			

6) KATEGORI BURUNG (HALAL)

59.	سکل بورغ لاوة	Burung laut			

		كچيل دان بسر	kecil dan besar	
60.	سُكُلْ بَايْ چِيق جَكْ بِرَلَائِنْ وَرَنَاثْ سَكَلِيفُون	Segala bagai ciak jika berlainan warnanya sekalipun		
61.	سُكُلْ بُورَغْ يِثْ كَچِيلْ 2	Segala burung yang kecil-kecil		
62.	تِيْفْ 2 بُورَغْ مَماْكِنْ دَغْنُ دَفَاكُوتُشْ سَفَرْتِ اِيمْ	Tiap-tiap burung yang memakan dengan dipagutnya seperti ayam		
63.	تِيْفْ 2 أُوْغَكْسِ يِثْ بَرْنَفَسْ أَيْ تَنَكَالْ مِينُومْ اِيرْ	Tiap-tiap unggas yang bernafas ia tatkala minum air	Halal	
64.	سُكُلْ أُوْغَكْسِ يِثْ بَرْدَغُوغْ سَوارَانْ أَتُو بَرْكَلُغْ لِيهِرِنْ	Segala unggas yang berdengung suaranya atau bergelang lehernya		142
65.	كَاكَا فَادِيْ: - الزَّاغُ -	Gagak Padi, iaitu ada 2 jenis: - <i>Zagh</i> iaitu hitam bulunya dan terkadang merah parasnya dan dua kakinya. - <i>al-ghadaf as-saghir</i> iaitu hitam atau kelabu warnanya	Halal sebab makan <i>zar'u</i> (tanaman), dan kerana <i>ghalib</i> (kebiasaan) burung yang makan tanaman itu halal.	
66.	- الغَدَافُ الصَّغِيرُ	Burung Suari		

67.	بوروغ باغو	Burung Bangau	
68.	بوروغ تمبيت	Burung Tambit (burung hitam putih bawah dadanya, (بوبه) bubuh kepalanya, jumlah daripada burung air	
69.	بوروغ اير	Burung Air	
70.	بوروغ جون	Burung Jun	
71.	کوتر	Kutar	
72.	قلق	Qalaq (burung air- iaitu yang putih panjang lehernya dan dua kakinya, dan sekalian tubuhnya putih melainkan kepala dan lehernya. Atau sekalian tubuhnya hitam melainkan kepala dan lehernya)	Haram
73.	مرفاتي	Merpati	
74.	فركه	Perkah	
75.	فركم	Pergam	Halal
76.	فوني	Punai	
77.	كتوتو	Ketutu	
78.	كتيتير	Ketitir	
79.	فويوه	Puyuh	
80.	بوروغ ايامن	Burung Ayaman	

81.	سيتى	Sita
82.	روأ	Ruak-ruak
83.	بلبيس	Belibis
84.	چيق	Ciak (segala bagai ciak, jika berlainan warnanya sekalipun)
85.	فرلخ	Perling
86.	ايم نگري	Ayam Negeri
87.	ايم أوتن	Ayam Utan
88.	ايتيك نگري	Itik Negeri
89.	ايتيك اير	Itik Air
90.	انغسا	Angsa

7) KATEGORI BINATANG DARATAN (HARAM)

91.	بغل	Baghal	1- Mempunyai racun 2- Mempunyai taring yang menggigit segala binatang dengan taring 3- Binatang dengan kuku yang berseteru binatang dengan kuku
92.	حمار نگري	Himar Negeri	
93.	زرافه	Zirafah	
94.	گاجه	Gajah	
95.	بادق	Badak	
96.	سکل باي هريمو	Segala bagai harimau	
97.	کرا بسر دان چیلشن	Kera besar dan kecilnya	
98.	بروغ	Beruang	
99.	بروق	Beruk	
100.	لوتوڠ	Lotong	
101.	ماوغ	Mawang	
102.	کراباه	Kerabah	
103.	گاگه	Gagah	
104.	موسخ	Musang	
105.	سریگالا	Serigala	
106.	برغ	Berang-berang	
107.	کوچیغ	Kucing	
108.	انجیغ	Anjing	
109.	بابی	Babi	
110.	سیغا	Singa	
111.	تھکیلیغ	Tenggiling	
112.	تیلوڠ	Tilong	
113.	توف	Tupai	
114.	تیکوس	Tikus	
115.	بغكارغ	Bengkarung	

142

Haram

116.	فَاكَا	Pokka
117.	تؤكيل	Tokel
118.	چيچق	Cicak
119.	أولر	Ular
120.	تاكا	Taka
121.	كالا	Kala
122.	ليفن	Lipan
123.	كلاماير	Kelemayar
124.	جاجيغ	Cacing
125.	أولة	Ulat
126.	٢ لابه	Labah-labah
127.	مادو	Madu
128.	ليفس	Lipas
129.	سموة	Semut
130.	كرغنا	Kerengga
131.	بارى	Bari
132.	پاموق	Nyamuk
133.	كليكتو	Kelkattu
134.	أكس	Agas
135.	كابور	Kabur
136.	كومبخ	Kumbang
137.	لينته	Lintah
138.	فاچة	Pacat

8) KATEGORI BURUNG (HARAM)

139.	سُكُلْ بَأْيِ هَلْخ - ترماسوق هَلْخ بَسْرِ يَائِتْ سِيَوَه دان صقر	Helang - Termasuk helang besar iaitu siwah dan soqr	Haram
140.	انق ايرغ	Anak Irang	
141.	مرق	Merak	
142.	بوروغ هنتو	Burung Hantu	
143.	بوروغ كوغ	Burung Kuang	
144.	بوروغ أغكن	Burung Enggang	
145.	كليعن	Kelingan	
146.	كاكا	Gagak	
147.	توو	Tuwu	
148.	ككرا	Kekerak (iaitu burung hitam kelabu,	142

		pendek sayap dan panjang ekornya dan matanya merah)	
149.	بوروغ فكا	Burung Pekaka	
150.	بوروغ هدهد	Burung Hud- Hud	
151.	نوري	Nuri	
152.	كاكق توا	Kakak Tua	
153.	تيونغ	Tiung	
154.	بوروغ بايڠ	Burung Bayang	
155.	سرنيك	Serinik	

9) KATEGORI BINATANG YANG JADI DARIPADA ANTARA HALAL DAN HARAM

156.	جادي انتارا کمبیڠ دان هریمو اکر	Jadi antara kambing dan harimau Akar	Haram	142
157.	جادي انتارا کودا دان حمار	Jadi antara kuda dan himar/keldai		

Secara keseluruhan, Jadual 1 telah menunjukkan bahawa terdapat 157 jenis haiwan yang dinyatakan oleh pengarang dengan 9 kategori haiwan yang berbeza iaitu: 1) Kategori ulat yang jadi daripada makanan dan minuman, 2) Kategori binatang laut, 3) Kategori binatang air, 4) Kategori binatang yang hidup di laut dan di darat, 5) Kategori binatang darat (halal), 6) Kategori burung (halal), 7) Kategori binatang daratan (haram), 8) Kategori burung haram dan 9) Kategori binatang yang jadi daripada antara halal dan haram. Pengarang kitab turut menyatakan status hukum bagi setiap jenis dan kategori haiwan yang terdapat di dalam kitab tersebut sama ada halal atau haram untuk memakannya. Namun, terdapat juga jenis haiwan yang dikategorikan sebagai harus, khilaf atau tidak dinyatakan hukumnya. Maklumat yang dinyatakan oleh pengarang kitab telah memberikan input yang sangat penting kepada para pembaca serta masyarakat Islam umumnya dalam mendapatkan rujukan yang tepat berkenaan haiwan yang halal dan haram untuk dimakan di dalam Islam.

Seterusnya, hasil kajian turut mendapati bahawa terdapat sebanyak 73 haiwan yang halal dan 82 haiwan yang haram untuk dimakan menurut kitab *Kasyf al-*

Litham. Terdapat juga sejenis haiwan yang dinamakan sebagai ‘danilas’ (dnilis) (Lihat kotak no. 34 Jadual 1), iaitu pada kategori binatang air yang dinyatakan sebagai khilaf pada hukum halal dan haramnya. Pengarang kitab telah menjelaskan bahawa hukum itu adalah berdasarkan dua pendapat yang berbeza iaitu daripada pendapat Ibn Hajar dan Ramli. Ibn Hajar telah menghukumkan haram untuk memakannya, namun halal menurut pendapat Ramli. Pengarang kitab tidak menjelaskan secara terperinci berkenaan sifat atau ciri-ciri haiwan bernama danilas tersebut. Namun, dapat difahami bahawa *danilas* merupakan spesis siput laut bercengkerang (*sadaf wa halazun*) seperti dinyatakan oleh al-Damiri (2004) dalam kitab *Hayat al-Haiwan al-Kubra*. Al-Khatib al-Syirbini (1994) kitabnya *Mughni al-Muhtaj* menukilkan pandangan Ibn Qasim bahawa *danilas* merupakan antara makanan penduduk negara Mesir dan termasuk dalam perkara yang sukar untuk dielak (*umum balwa*) untuk mereka meninggalkannya.

قَالَ ابْنُ قَاسِمٍ وَمَا عَمِّتْ بِهِ الْبُلْوَى أَكْلُ الدَّنِيلِسِ فِي مِصْرٍ وَالسَّرَّطَانِ فِي الشَّامِ

“Ibn Qasim berkata, sebahagian daripada perkara yang menjadi umum balwa adalah memakan al-Danilas bagi masyarakat mesir dan memakan ketam bagi masyarakat Syam”.

(Sumber: Al-Khatib al-Syirbini, 1994, Jld. 6 Hlm. 147)

Selain itu, terdapat sejenis haiwan yang tidak dinyatakan hukumnya, yang dinamakan sebagai ‘نسناس’ (*Nisnas*) (Lihat kotak no. 36 Jadual 1). Meskipun demikian, Syeikh Zainal Abidin bin Muhammad al-Fatani telah menerangkan *Nisnas* dengan 3 ciri utama menerusi kitabnya, iaitu 1) binatang seperti rupa manusia berjalan ia dengan sebelah kaki apabila berjumpa dengan manusia melawan ia, 2) Jika alah manusia dimakannya akan dia, dan 3) yang didapat binatang itu disebelah laut Negeri China. *Nisnas* juga tergolong dalam kategori binatang yang hidup di laut dan di darat. Namun, penyelidik mendapati bahawa terdapat juga kitab Melayu klasik selain kitab ini yang telah menyatakan hukum haiwan tersebut seperti yang telah disebut di dalam kitab *Matla' al-Badrain* (Fathani, 1984), *Kifayat al-Muhtadi Pada Menerangkan Cahaya Sullam Al-Mubtadi* (al-Fathani, 1351) dan *Kamus Al-Marbawi* (al-Marbawi, 2020). Ketiga-tiga kitab tersebut telah menghukumkan *Nisnas* dalam kategori haiwan yang haram dimakan. Bahkan, al-Marbawi (2020) telah menerangkan *Nisnas* dengan ciri-ciri binatang seperti orang, matanya satu, tangannya satu dan kakinya pun satu (menyerupai kera). Gambaran sebenar rupa haiwan tersebut masih tidak dapat dipastikan secara jelas dan ia menjadi suatu kelompongan yang boleh dikaji dengan lebih terperinci (Mohd Salleh et. al, 2022).

Bagi haiwan seperti ular air, pengkaji mendapati bahawa terdapat dua hukum yang dinyatakan iaitu halal dan haram. Ular air dihukumkan sebagai haram

apabila hidup di dua negeri dan mempunyai racun (Lihat kotak no. 21 Jadual 1). Sebaliknya menjadi halal dimakan apabila hanya hidup di dalam air dan tidak beracun (Lihat kotak no. 37 Jadual 1). Dalam hal ini, status halal haiwan tersebut ditetapkan berdasarkan fatwa oleh Sheikh Ramli. Pengkaji berpandangan bahawa asas kepada penetapan hukum halal tersebut adalah disebabkan dua perkara iaitu hidup di air dan tidak beracun. Justeru, hukum ini tidak bercanggah dengan pendapat Imam Syafi'e *Rahimahullah* iaitu setiap haiwan yang hidup di dalam air halal dimakan (Noordin, 2018), berpandukan kepada firman Allah S.W.T:

أَحِلٌّ لَكُمْ صَيْدُ الْبَحْرِ وَطَعَامُهُ

"Dihalalkan bagi kamu binatang buruan laut (air), dan makanannya."
 (Al-Maidah, 5: 96)

Menurut Al-Baghwi (1997), bangkai haiwan air halal untuk dimakan, kerana kesemuanya termasuk dalam hukum ikan, dan hanya berbeza dari segi rupa bentuk. Dalam hal ini, spesis yang mirip kepada ular tetapi halal dimakan adalah seperti belut. Hukum kehalalan haiwan laut adalah disepakati oleh para ulama. Manakala bagi pengharaman haiwan yang terdiri daripada dua alam pula, ia dapat dilihat menerusi pendapat Imam al-Nawawi (2005) yang telah di sebut dalam karyanya *Minhaj al-Talibin* seperti berikut:

وَمَا يَعِيشُ فِي بَرٍّ وَمَاءً : كَضِفْدَعٌ وَسَرَطَانٌ وَحَيَّةٌ حَرَامٌ

"Setiap sesuatu yang hidup di darat dan lautan seperti katak, ketam dan ulat air adalah haram"
 (Al-Nawawi, 2005, 1/322)

Secara kesimpulan, pembahagian atau jenis-jenis haiwan yang telah dinyatakan di dalam kitab *Kasyf al-Litham* diberikan hukum-hukum tertentu sama ada halal atau haram berdasarkan mazhab Syafi'e . Jumlah bilangan spesis haiwan, hukum serta justifikasinya disimpulkan oleh pengkaji seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2. Ringkasan Jumlah Haiwan dan Kategori Haiwan Halal Haram
 Menurut Kitab Kasyf al-Litham Beserta Justifikasi

Perkara	Halal	Haram
Kategori Ulat yang Jadi Daripada	3	-
Makanan dan Minuman		
Kategori	15	1

Binatang Laut			
Kategori	2		13
Binatang Air		1 Khilaf	
Kategori	1		-
Binatang yang Hidup Di Laut dan Di Darat		1 tidak dinyatakan hukum	
Kategori	21		48
Binatang Darat			
Kategori Burung	31		18
Kategori			
Binatang yang Jadi Daripada	-		2
Antara Halal dan Haram			
Jumlah	73		82
Keseluruhan	157 Haiwan (termasuk 1 hukum khilaf dan 1 tidak dinyatakan)		
Justifikasi/Sebab	1) Hidup di dalam laut dan tidak kekal hidupnya jika naik ke darat, tiada racun atau yang timbul di atas air sekalipun, jika rupa seperti manusia sekalipun serta jika menyerupai dengan rupa binatang darat yang haram dimakan sekalipun seperti menyerupai anjing dan babi. 2) Tiada hidup ia melainkan di dalam air jua. 3) Suci dan boleh diambil manfaat dengan dia. 4) Sebab makan tanaman. Kebiasaan burung yang makan tanaman itu halal.	1) Bagi kategori ulat yang jadi daripada makanan dan minuman, menjadi haram jika ulat itu dimakan dengan makanan yang lain atau ia asingkan ulat daripada makanan. 2) Membawa racun dan jika dibuang racun sekalipun. 3) Tiap-tiap binatang yang hidup di dalam dua negeri. 4) Barang-barang dan segala yang hidup dua negeri yang mempunyai racun. 5) Mempunyai racun atau mempunyai taring yang menggigit. 6) Binatang dengan kuku yang berseteru.	

5. KESIMPULAN

Syeikh Zainal Abidin bin Muhammad al-Fatani atau turut dikenali sebagai Tuan Minal Fathani merupakan antara ulama tradisi yang banyak

menyumbangkan ilmu menerusi kitab Melayu klasik. Kitab-kitab karangan beliau banyak dijadikan sumber rujukan bagi para pengkaji kini, pelajar mahupun masyarakat secara umum. Kitab *Kasyf Al-Litham 'An As-Ilah Al-Anam* merupakan antara salah sebuah kitab yang membincangkan tentang bab makanan yang halal dan haram untuk dimakan. Pelbagai jenis haiwan yang terdiri daripada kategori tertentu seperti haiwan darat, binatang air dan burung-burung yang telah disenaraikan di dalam kitab *Kasyf al-Litham*. Secara keseluruhan, terdapat sejumlah 157 haiwan yang telah dinyatakan dalam kitab *Kasyf al-Litham* berserta hukumnya dan justifikasi terhadap penghalalan serta pengharaman haiwan tersebut. Antara justifikasi hukum halal dan haram bagi haiwan-haiwan yang telah dinyatakan adalah seperti haiwan yang hidup hanya di dalam air serta suci tidak mempunyai racun (bagi kategori halal) dan haiwan yang mempunyai racun serta hidup pada dua alam (bagi kategori haram). Masih terdapat banyak ruang yang dapat dikaji oleh para pengkaji kini dalam aspek haiwan halal haram dengan menjadikan kitab Melayu klasik sebagai sumber rujukan. Antaranya ialah menggambarkan setiap haiwan yang tidak jelas maksudnya dan memberikan nama spesis berdasarkan istilah moden. Perkara ini dapat memberikan banyak manfaat kepada masyarakat mahupun agensi tertentu seperti dapat dijadikan sumber rujukan dalam bidang halal dan menambahkan pengetahuan berkenaan haiwan yang halal dan haram kepada masyarakat umum.

6. PENGHARGAAN

Penyelidik ingin mengucapkan penghargaan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi USIM yang telah mendanai kajian ini menerusi geran yang berjudul "Program: Fabrication Of Enzyme Based Electrochemical Biosensor For Detection Of Biogenic Amine In Halal And Non-Halal Slaughtered Chicken. Projek: Management Of Halal Assurance System For Chicken Slaughtering Industry In Malaysia", di bawah kod penyelidikan: (PPPI/TRANSDISIPLINARI/FSU/USIM/18723)

7. RUJUKAN

- Abdul Malik, M. P., Abdul Hamid, F. @ A. F., & Abd Rahim, R. A. (2020). Analisa Perkembangan Dan Kearifan Tempatan: Karya Fiqh Melayu Klasik: Analysis of Development and Local Wisdom Classical Malay Fiqh Works. *Jurnal Fiqh*, 17(1), 89–134. <https://doi.org/10.22452/fiqh.vol17no1.4>
- Abdullah, W. S. W. (2001). Beberapa Aspek Epistemologi al-Shaykh Zayn al-'Abidin B. Muhammad al-Fatani: Suatu Penelitian Awal Terhadap Karyanya'Aqidah al-Najin filIm Usul al-Din. Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam, 2(1), 107-122.
- Abdul-Latif, M.A.B. & Md Zain, B.M. (2021). Taxonomy, Evolutionary and Dispersal Events of Pig-Tailed Macaque, *Macaca nemestrina* (Linnaeus, 1766) in Southeast Asia with Description of a New Subspecies, *Macaca nemestrina perakensis* in Malaysia. *Zoological Studies*. 60: 1-23.
- Abu Syahmin. (Friday, September 21, 2012). *Kitab Kasyf al-Litham 'an As-ilah al-Anam*. Diakses pada 9 September 2022, daripada laman web: <http://abusyahmin.blogspot.com/2012/09/kitab-kasyf-al-litham-as-ilah-al-anam.html>.
- Ahmad Fathy Al-Fatani. (1430-2009). *Ulama' Besar dari Patani*, Cetakan pertama (Edisi Kedua). Kota Bharu Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- Ahmad Ismail Dorla, Abdul Halim Ahmad Saising, Ramli Hamad & Abdurrahman Toklong. (2011). Manhaj Syeikh Zainul Abidin bin Muhammad al-Fatani (Tuan Minal) dalam Penulisan Fiqh: Suatu Kajian terhadap Kitab Kasyf al-Litham. *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (Nun) Iv: Ulama Pemacu Transformasi Negara*, 25-26 November 2011, Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Al-Baghwi, Abu Muhammad al-Husain bin Mas'ud (1997). *Tafsir al-Baghwi*. T.tp: Dar Taybah lil Nasyr wa al-Tawzi'.
- Al-Damiri, Muhammad bin Musa bin Isa al-Syafi'e. (2004). *Hayat al-Haiwan al-Kubra*. Beirut: Darul Kutub Ilmiyyah.
- al-Fathani, Muhammad Nur bin Muhammad bin Ismail. (1351). *Kifayah al-Muhtadi Bagi Menerangkan Cahaya Sullam al-Mubtadi*. Pattani-Thailand: Matba'ah Bin Hilabi.
- Al-Haji Yusuf bin al-Haji Mustafa Bandar Patani. (1991). *Sejarah dan Silsilah Keturunan Tuan Minal*, (t.tp),
- Al-Khatib al-Syirbini, Muhammad bin Ahmad. (1994). *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Minhaj*. T.tp: Dar al-Kutub al-I'lmiyyah.
- al-Marbawi, Muhammad Idris 'Abdul Rauf. (2020). *Kamus Idris al-Marbawi*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Al-Nawawi, Abu Zakaria Mahyuddin Yahya bin Syarf. (2005). *Minhaj al-*

Talibin. Dar al-Fikr

- Awae Maeh-ouma & Abdullah Bin Yusuf Kareena. (2017). Sumbangan Syeikh Tuan Minal Dalam Kariatif Tamadun Islam Terhadap Masyarakat Islam Di Selatan Thailand. *Jurnal Sekolah Siswazah AL-NUR*, Tahun 12, No. 23 (F. 2 Julai-Disember 2017).
- Fathani, Muhammad bin Ismail Daud. (1984). *Matla' al-badrain wa majma' al-Bahrain*. Pulau Pinang: Maktabah al-Ma'arif.
- Kasor, A. (2013). Sumbangan Syeikh Zainal Abidin Bin Muhamad Al-Patani (1820-1913) di Selatan Thailand: kajian terhadap kitab Aqidah al-najin dan Kasyful litham (Doctoral dissertation, Universiti Sains Malaysia).
- Latif, F. A., & Rahman, S. M. H. S. A. (2008). Kefahaman Ilahiyyat dalam Meningkatkan Profesionalisme Menurut Syeikh Zainal Abidin Al-Fatani. *Jurnal Usuluddin*, 28, 1-20.
- Merriam, S. B. (2009). *Qualitative Research A Guide to Design and Implementation*. 2nd Edition. USA: Jossey-Bass A Wiley Imprint.
- Mohd Salleh, M. M., Mamat, M. A., Ab.Halim, M. 'Afifi, Jaffar, M. N., & Deuraseh, N. (2024b). Analisis Penyenaraian Haiwan Menerusi Kitab Matla' al-Badrain oleh Syeikh Muhammad bin Ismail Daud al-Fathani Menurut Perspektif Halal dan Zoologi: Analysis of the Listing of Animals Through the Book of Matla' al-Badrain by Sheikh Muhammad bin Ismail Daud al-Fathani According to Halal and Zoological Perspectives. *Journal of Fatwa Management and Research*, 29(1), 63-87. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol29no1.564>
- Mohd Salleh, M. M., Mamat, M. A., Halim, M. A. A., & Jaffar, M. N. (2022). Analisis Haiwan Halal Haram Dalam Kamus Al-Marbawi Karya Sheikh Mohd Idris Al-Marbawi: Analysis of Halal Haram Animals in Al-Marbawi Dictionary by Sheikh Mohd Idris Al-Marbawi. *Halal Reviews*, 2(2), 17-27.
- Mohd Salleh, M. M., Mamat, M. A., Halim, M. A. A., & Najib, M. (2024a). Analisis Pengkategorian Spesis Haiwan Menerusi Kitab Kifayah Al-Muhtadi Karya Syeikh Muhammad Nur Al-Faṭānī: Perspektif Halal dan Zoologi. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 12(2), 110 – 124. <https://doi.org/10.17576/jatma-2024-1202-10>.
- Noordin, M. F. (2018). *Al-Kafi #853: Hukum Memakan Makanan Laut dan Penyu*. Diakses pada 24 November 2023, <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/2688-al-kafi-853-hukum-memakan-makanan-laut-dan-penyu>.
- Noordin, M. F. (2023). Irsyad Al-Fatwa Siri Ke-785: Halal Atau Haramkah Memakan Ketam Batu. Diakses pada 24 November 2023, <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/5685-irsyad-al-fatwa-siri-ke-784-halal-atau-haramkah-memakan-ketam-batu>.
- Ouma, A. M., & Kareena, A. B. Y. (2014). Contribution of Syeikh Tuan Minal in

the Creative Islamic Civilization on Islamic Society in South Thailand.
International Journal of Nusantara Islam, 2(2), 57-66.

Wan Muhammad Saghir. (2007). *Syeikh Zainal Abidin bin Muhammad al-Fataniy Penyusun Kitab Kasyful Litham tentang cabang Fiqh terlengkap Mazhab Syafi'iy di Dunia Melayu*. Majalah Diwan Budaya, Dakwah: al-Islam dan Kiblat, 1989-1995.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.